



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 26 MAC 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5.	MAFI AKAN GUBAL DASAR BAHARU PENANAMAN JAGUNG, BH -ONLINE MAFI SEDIA RM15 JUTA GERAN AGROPRENEUR MUDA, BH -ONLINE MAFI SASAR BANTU 750 USAHAWAN MUDA MELALUI GERAN AGROPRENEUR, UM -ONLINE JAM JADI PUSAT SEHENTI BANTU USAHAWAN, SH -ONLINE SIN CHEW DAILY -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
6.	TIDAK 'LINK' DENGAN JPN PUNCA NELAYAN MENINGGAL DUNIA MASIH TERIMA ESHN, HM -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
7. 8.	PROGRAM JUALAN KELUARGA MALAYSIA AKAN DITERUSKAN, UM -ONLINE HARI USAHAWAN USAHAWAN NEGARA 2022 MENGUMPULKAN 100 SELEBRITI TANAH AIR DALAM BIDANG KEUSAHAWAN DAN PERNIAGAAN, GALAKSI MEDIA -ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/3/2002	BERITA HARIAN	ONLINE	

MAFI akan gubal dasar baharu penanaman jagung



Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, (tiga kiri) mencuba drone untuk menyembur racun selepas merasmikan Pakej Mekanisasi Tanaman Kubis di Tanah Rendah di Mardi Kundang. - Foto NSTP/FATHIL ASRI

RAWANG: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan menggubal dasar baharu khusus bagi menggalakkan penanaman jagung, bertujuan mempertingkatkan sumber makanan negara

serta bahan mentah untuk penghasilan makanan ayam.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata malah MAFI giat mengadakan perbincangan dengan pelbagai pihak, terutama sektor swasta, bagi membangunkan ladang jagung secara besar-besaran di Malaysia.

Beliau berkata, dasar baharu itu nanti sekali gus akan memberi manfaat kepada negara untuk mengurangkan kebergantungan pada makanan import dari luar.

"Kita sedar mengenai kebergantungan negara terhadap import sumber makanan, justeru kajian sumber alternatif adalah perlu, terutama dalam usaha menangani kenaikan harga jagung.

"Ini adalah pendekatan baharu MAFI untuk menggalakkan penanaman jagung secara besar-besaran, malah dasar makanan baharu ini sedang diteliti secara mendalam, termasuk mengkaji dasar sedia ada.

"Kita akan turut bekerjasama dengan pelbagai agensi dan institusi lain dalam usaha mengurangkan kebergantungan pada import bahan ternakan.

"Antaranya, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Universiti Putra Malaysia (UPM) serta pihak swasta lain," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada Majlis Pelancaran Pakej Mekanisme Tanaman Kubis Tanah Rendah, di Kundang, di sini, hari ini.

Ronald mengulas laporan BH baru-baru ini mengenai penyelidik UPM mengemukakan empat syor bagi membantu kerajaan menangani isu bekalan dan harga ayam tempatan dalam jangka panjang.

Syor berkenaan ialah penggunaan isirong kelapa sawit (PKC) sebagai bahan alternatif dalam ramuan makanan ayam dan larva serangga 'black soldier fly' (BSF) bagi menggantikan penggunaan mil kacang soya, mewujudkan program perlindungan sosial kepada golongan sasaran, serta mewujudkan stok penimbal bahan makanan penting.

Mengulas lanjut, Ronald berkata, penanaman jagung di Malaysia tidak diberikan tumpuan oleh kerajaan seperti fokus terhadap penanaman padi yang mencapai pengeluaran beras hingga 70 peratus.

Justeru, beliau berkata, sudah tiba masanya untuk MAFI menjayakan dasar baharu supaya penanaman jagung diketengahkan secara besar-besaran.

"Dasar baharu ini nanti tidak akan mengubah landskap pertanian negara, termasuk bukan menggantikan dasar penanaman padi.

"Sebaliknya, ia adalah dasar baharu untuk menggalakkan penanaman jagung secara besar-besaran, dan kita sudah berbincang dengan pihak swasta yang berminat ke arah itu," katanya.

Bagaimanapun, Ronald menjelaskan, MAFI tiada lagi menetapkan tempoh untuk pelaksanaan dasar penanaman jagung kerana ia masih pada peringkat perbincangan kementerian.

Mengulas syor pakar penyelidikan UPM pula, katanya, MAFI mengalu-alukan cadangan untuk memperkasakan pengeluaran sumber makanan negara, khususnya dalam usaha mengurangkan kebergantungan pada bahan makanan import.

Seterusnya mengenai program penanaman kubis tanah rata, beliau turut memuji usaha MARDI memperkenalkan pelbagai teknologi baharu untuk menambah pengeluaran tanaman itu serta memudahkan utusan petani.

"Dimaklumkan bahaya teknologi ini mampu menjimatkan kos kerana pengurangan tenaga buruh, selain menambah pengeluaran hingga 4,000 kilogram per hektar.

"Ia bertepatan Dasar Agromakanan Negara 2.0 yang memperlihatkan teknologi moden dan terkini dalam rantaian makanan negara," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/3/2002	BERITA HARIAN	ONLINE	

MAFI sedia RM15 juta Geran Agropreneur Muda



Ahmad (tengah) bergambar bersama usahawan Perak yang menerima Geran Agropreneur Muda (GAM) hari ini. - FOTO NSTP / L MANIMARAN

IPOH: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memperuntukkan RM15 juta menerusi Geran Agropreneur Muda (GAM) tahun ini, yang dijangka membawa manfaat kepada 750

usahawan.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, penyediaan geran yang menjadi sebahagian Program Agropreneur Muda diyakini membantu meningkatkan ekonomi golongan muda dalam bidang pertanian.

"Sejak Program Agropreneur Muda diperkenalkan pada 2016, sejumlah RM137 juta nilai geran diluluskan kepada 7,699 usahawan seluruh negara.

"Kerajaan sentiasa memberikan galakan dan bantuan serta insentif dalam memastikan golongan muda dapat meneruskan usaha bahkan dapat memberi pulangan yang lebih meyakinkan dan lumayan," katanya selepas merasmikan program Jelajah Agropreneur Muda (JAM) peringkat negeri Perak di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Gopeng hari ini.

Pada majlis itu, Ahmad menyampaikan GAM kepada 73 usahawan di Perak membabitkan nilai keseluruhan RM1.45 juta.

Ahmad berkata, di Perak sahaja seramai 976 usahawan menerima kelulusan GAM bernilai RM13.5 juta sejak 2016.

"Ini bermakna Perak berjaya mendapat sekurang-kurangnya 10 peratus daripada peruntukan yang kita salurkan kepada seluruh negara," katanya.

Bercakap mengenai program JAM, beliau berkata, ia mempromosikan bidang pertanian pada golongan muda menerusi pendekatan turun padang.

"Sebenarnya cara pendekatan ini cukup bertepatan sekali, bukan sahaja kita dapat mendekati mereka tetapi dapat memberi banyak taklimat dari segi bantuan dan khidmat nasihat tentang keperluan golongan muda untuk menyertai pertanian.

"Khidmat nasihat serta kursus bimbingan juga diberikan kepada usahawan muda ini mengenai cara pertanian moden dan mengaplikasi kaedah terkini yang boleh meningkatkan pendapatan dan keluaran masing-masing," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/3/2002	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

MAFI sasar bantu 750 usahawan muda melalui Geran Agropreneur



AHMAD Hamzah (kiri) melawat gerai pameran agensi kerajaan pada Program Jelajah Agropreneur Muda di RTC Gopeng, Perak, hari ini. - UTUSAN/ZULFACHRI ZULKIFLI

GOPENG: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyasarkan untuk membantu 750 usahawan muda melalui pembiayaan Geran Agropreneur Muda (GAM) pada tahun ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, peruntukan RM15 juta disediakan di mana penerima mendapat bantuan dalam bentuk barangan sehingga RM20,000.

Katanya, bantuan tersebut mampu meningkatkan produktiviti sekali gus menambah pendapatan golongan berkenaan.

“Bantuan ini juga dapat membantu mereka mengurangkan kos permulaan dan pengembangan projek-projek pertanian serta agro makanan.

“Sejak 2016 hingga tahun lalu, MAFI telah meluluskan bantuan GAM kepada 7,699 usahawan di seluruh negara membabitkan pembiayaan bernilai RM137.71 juta.

“Di Perak sendiri, seramai 976 usahawan muda menerima bantuan sama berjumlah RM13.57 juta,” katanya ketika berucap pada Program Jelajah Agropreneur Muda (JAM) di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Gopeng, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Perladangan, Pertanian dan Industri Bekalan Makanan negeri, Razman Zakaria, Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Datuk Zainal Abidin Yang Razali dan Setiausaha Bahagian Industri Makanan dan Asas Tani, Kamal Badrin Hassan.

Sementara itu, Ahmad berkata, program JAM berfungsi sebagai pusat sehati bagi menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi usahawan dalam sektor pertanian.

Menurutnya, program yang berlangsung selama dua hari itu juga bagi membantu serta menggalakkan penglibatan golongan muda di dalam sektor agro makanan merangkumi bidang di sepanjang rantai nilai seperti tanaman, ternakan, perikanan dan industri asas tani.

“Program ini juga bagi menyelesaikan isu-isu berkaitan perniagaan dan pembiayaan usahawan di mana MAFI melalui jabatan dan agensi di bawahnya turut dilibatkan bagi membantu usahawan secara terus.

“Malah, menerusi program ini, ia dapat menyelesaikan pelbagai perkara yang tertangguh terutama mengenai pelan perniagaan dan pembiayaan,” katanya. – UTUSAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/3/2002	SINAR HARIAN	ONLINE	

JAM jadi pusat sehenti bantu usahawan



Ahmad (dua dari kanan) menyampai replika cek kepada Jabatan Perikanan Perak.

GOPENG - Program Jelajah Agropreneur Muda (JAM) menjadi pusat sehenti bagi menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi usahawan dalam sektor pertanian.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, program berkonsepkan turun padang turut

membantu serta menggalakkan penglibatan golongan muda di dalam sektor pertanian dan agromakanan.

Menurutnya, sektor itu merangkumi bidang di sepanjang rantaian nilai seperti tanaman, ternakan, perikanan dan industri asas tani.

"JAM turut menyediakan khidmat pemasaran, latihan dan kursus teknikal, penyediaan perkhidmatan sokongan dan input pertanian serta agroteknologi. Justeru, program ini menjadi pusat sehenti bagi menyelesaikan isu-isu berkaitan perniagaan dan pembiayaan usahawan.



Pengarah FAMA Perak, Noorsham Ramly (kanan) mengiringi Ahmad melawat gerai FAMA di RTC Gopeng.

"Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menempatkan pegawai di beberapa gerai untuk berkongsi maklumat berhubung inisiatif dan bantuan yang ditawarkan untuk peladang, petani, penternak, nelayan mahupun usahawan," katanya ketika berucap pada perasmian JAM Perak di Pusat Transformasi

Luar Bandar (RTC) Gopeng pada Sabtu.

Hadir sama, Exco Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Perak, Razman Zakaria, Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Datuk Zainal Abidin Yang Razalli dan Setiausaha Bahagian Industri Makanan dan Asas Tani, Kamal Badrin Hassan.

Ahmad berkata, usahawan muda boleh mendapatkan maklumat berhubung bantuan pembiayaan dalam usaha meningkatkan produktiviti dan menambah pendapatan agropreneur muda.

Katanya, sebanyak RM15 juta diperuntukkan menerusi Geran Agropreneur Muda (GAM) bagi tahun 2022 dengan sasaran seramai 750 usahawan muda.

"Seramai 7,699 orang agropreneur muda seluruh negara telah menerima kelulusan GAM dari 1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2021 yang berjumlah RM137.71 juta.



Ahmad menandatangani buku lawatan sambil diperhatikan Razman (kanan) ketika mengunjungi booth Jabatan Perikanan Perak.

"Manakala untuk di Perak sahaja, seramai 976 orang agropreneur muda telah menerima kelulusan GAM berjumlah RM13.57 juta bagi tempoh sama," katanya.

Program anjuran kementerian menerusi FAMA itu menyediakan pelbagai aktiviti antaranya karnival My Best Buy, kursus 'Upskilling', jualan terus dari ladang dan trak sajian untuk semua lapisan umur.

JAM merupakan aktiviti yang berkonsepkan pemantauan, 'walkabout', latihan, promosi dan juga pemasaran yang dilaksanakan di seluruh negara.

Objektif pelaksanaannya adalah bagi memantau pelaksanaan projek-projek agropreneur muda, mengeratkan hubungan antara MAFI dengan agropreneur muda dan melaksanakan kursus atau latihan serta pemasaran kepada usahawan muda.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/3/2002	SIN CHEW DAILY	ONLINE	

阿末韩沙：来临斋戒月 料又现食品需求高涨



阿末韩沙（左三）移交模拟支票给参与青年农业商家计划的青年。左一起是卡玛巴琳、拉兹曼，右一起是诺山、再纳阿比丁。（黄丹芳摄）

（怡保26日讯）农业及食物工业部副部长拿督斯里阿末韩沙指出，预料在来临的斋戒月，国内将面对另一波的食品需求高涨的情况。

他表示，我国曾在实施行管令时，因为很多商业活动包括酒店、宴会都停滞，所以国人对食品的需求下降，政府在放宽对国人的活动限制后，人们对食品的需求出现了明显增加的情况，这包括肉鸡和鸡蛋，因早前市场需求少而减少产量，但在开放后需要长时间来恢复产量运作。

他今日在务边乡区转型中心为霹靂州青年农业商家活动主持开幕后召开新闻发布会时，这么指出。

已批1.3亿助7699农商

另外，他说，目前为止，农业及食物工业部已批准了1亿3771万令吉，以协助全国7699名青年农业商家，而自2016年开始，霹靂州有976名青年农业商家获得1357万令吉援助。到了去年，另有73人受惠，获得145万令吉援助。

出席者包括霹靂州行政议员拉兹曼、农业及食物工业部食品工业和基本农业组主任卡玛巴琳、联邦农业销售局总监拿督再纳阿比丁及霹靂州联邦农业销售局局长诺山。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/3/2002	HARIAN METRO	ONLINE	

Tidak 'link' dengan JPN punca nelayan meninggal dunia masih terima ESHN



Bukit Gantang: Tiada sistem sambungan secara terus antara Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dikenal pasti menjadi punca Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) terus dibayar kepada nelayan yang sudah meninggal dunia seperti yang dilapor media baru-baru ini.

Pengerusi LKIM, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, pihaknya mengenalpasti kelemahan itu yang mana

LKIM masih menggunakan kaedah manual bagi merekodkan kematian penerima ESHN.

Menurutnya, sikap waris yang tidak memaklumkan kes kematian penerima ESHN, juga menjadi punca elaun itu terus dibayar melalui bank.

"Saya pasti tiada sebarang penyelewengan atau ketirisan berlaku dalam LKIM, cuma sistem sedia ada (manual) kita tidak dihubung terus dengan JPN.

"Jika sistem kita automatik 'link' dengan JPN, dengan mudah kita boleh hentikan bantuan ESHN atau subsidi minyak kepada penerima yang sudah meninggal dunia.

"Ini kelemahan yang kita kenal pasti dan LKIM akan menambah baik sistem sedia dan akan bekerjasama dengan JPN," katanya dalam sidang media selepas merasmikan Program Back To School Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Sungai Tinggi, di sini, hari ini.

Dalam program itu seramai 100 penerima terdiri dari anak-anak nelayan menerima sumbangan wang tunai RM 200 seorang.

Syed Abu Hussin Hafiz berkata, semakan mendapati kes terbabit (pembayaran ESHN masih dibayar kepada penerima yang sudah meninggal dunia) banyak berlaku di Sabah dan Sarawak memandangkan kebanyakan mereka tinggal di pulau yang jauh.

"Disebabkan perkara itu pegawai kita pun susah nak sampai ke sana menyebabkan perkara itu (kematian penerima ESHN) tidak dapat dilaporkan," katanya.

Terdahulu media melaporkan LKIM dikesan membayar Skim Subsidi Diesel dan Petrol berjumlah RM2.12 juta kepada pemilik vesel perikanan yang tidak mengisytiharkan hasil tangkapan ikan.

Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2020 Siri 1, LKIM di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan turut membuat pembayaran elaun sara hidup nelayan (EHSN) berjumlah RM24,571 kepada nelayan yang sudah meninggal dunia.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/3/2002	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Program Jualan Keluarga Malaysia akan diteruskan



ALEXANDER Nanta Linggi (kiri) ketika bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob merasmikan sambutan Hari Pengguna Kebangsaan 2022 di NU Sentral, Kuala Lumpur hari ini. -

KUALA LUMPUR: Program Jualan [Keluarga Malaysia](#) (PJKM) yang dijangka berakhir pada bulan ini akan dilanjutkan bagi mengurangkan beban kos sara hidup rakyat khususnya menjelang musim perayaan tidak lama lagi.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, pihaknya sebelum ini menghantar surat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob untuk melanjutkan program tersebut.

Jelas beliau, Perdana Menteri kemudian memaklumkan pihaknya dibenarkan untuk melanjutkan Program Jualan Keluarga Malaysia berkenaan.

“Tetapi program ini perlu diperhalusi supaya ianya dilihat mudah dan menyeluruh.

“Namun sejak dilancarkan, PJKM telah mendapat sambutan menggalakkan apabila banyak wakil rakyat dan industri mahu bertemu dengan kita untuk mengemukakan program ini.

“Mulanya tidak dapat sambutan begitu, tetapi lama-kelamaan menerima sambutan apabila ramai lihat usaha ini dapat membantu rakyat untuk mengurangkan beban dan kos sara hidup rakyat,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas Majlis Perasmian Sambutan Hari Pengguna Kebangsaan (HPK) 2022 yang disempurnakan oleh Perdana Menteri di Pusat Membeli-Belah Nu Sentral di sini hari ini.

Program jualan itu yang dilancarkan pada 2 Disember 2021 menawarkan pelbagai barangan keperluan harian dengan harga berpatutan seperti ayam, ikan, telur, sayur-sayuran, minyak masak, gula, tepung, beras dan barangan keperluan rumah terpilih.

Usaha berkenaan menawarkan barangan keperluan harian pada harga murah antara 20 dan 50 peratus.

PJKM adalah kolaborasi di antara Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dengan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan serta rakan strategik sektor peruncitan. – [UTUSAN](#)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/3/2002	GALAKSI MEDIA	ONLINE	

(SEMASA) HARI USAHAWAN USAHAWAN NEGARA 2022 MENGUMPULKAN 100 SELEBRITI TANAH AIR DALAM BIDANG KEUSAHAWAN DAN PERNIAGAAN



KUALA KUMPUR, 26 Mac 2022 — Seramai 100 orang selebriti popular tanah air memeriahkan Hari Usahawan Negara 2022 (HUN 2022) yang berlangsung dari 24 hingga 28 Mac ini di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL).

Antara selebriti yang terlibat adalah Azlan Typewriter, Saharul Ridzwan, Azza Elite, Ayu Damit, Lan Solo, Zoey Rahman, Sabhi Saddi, Balkisyh Sumundur Khan, Syed Ali, Eida Moin, Edy Moin, Laila Nasir, Tash Yong, Qazem Nor, Azan Scan GV8, Siti Fazurina, Amai Kamarudin, Sefik, Azura Aziz, Jasmine Ashraff, Rashid Jaafar, Mahmud Ali Basha dan ramai lagi.

Kehadiran mereka menceriaikan suasana, selain turut serta dalam aktiviti penjualan produk masing-masing menerusi lot pameran yang disediakan, mereka juga mengadakan persembahan dan mengadakan sesi ramah mesra bersama peminat yang mengunjungi HUN 2022.

Menurut Presiden Dewan Perniagaan Usahawan Kecil Malaysia (DPUKM), Yang Berbahagia Dato' Sri Abu Hasan Mohd Nor sebanyak 1000 lot pameran disediakan secara keseluruhannya di HUN 2022 dengan 500 lot untuk agensi kerajaan, korporat serta usahawan industri kecil dan sederhana (IKS), 100 lot mobile truck, 100 lot carboot, 120 usahawan Cina, lot-lot serambi dari Indonesia, lot koperasi dan 100 lot makanan.

Tidak ketinggalan 100 lot pameran khas buat selebriti tempatan turut disediakan sebagai tanda sokongan kepada selebriti kebanyakan kini sudah mula menceburkan diri dalam bidang perniagaan.

“HUN 2022 ini diadakan sebagai pemangkin ekonomi negara yang mana sebelum ini kebanyakan usahawan terjejas kerana pandemik Covid-19. Begitu juga dengan para selebriti yang hampir dua tahun pendapatan mereka terjejas kerana tidak dapat keluar bekerja.

“Hikmahnya, saya lihat ramai selebriti sudah mula menjalankan perniagaan pelbagai jenis produk sebagai salah satu cabang pendapatan mereka. DPUKM sentiasa menyokong mereka yang ingin berniaga dan bersedia untuk memberi bantuan seperti menyalurkan informasi serta membimbing mereka untuk menjadi usahawan yang berjaya,” ujar Abu Hasan.

Dalam pada itu jelas Abu Hasan, status selebriti yang popular dan memiliki peminat yang ramai antara salah satu kelebihan yang dimiliki mereka berbanding peniaga biasa.

Oleh yang demikian, DPUKM menyeru untuk lebih ramai selebriti terlibat dalam perniagaan bagi merencanakan ekonomi negara.

“Mereka dikenali dan memiliki peminat yang ramai, jadi mereka mempunyai kelebihan daripada segi promosi. Namun begitu, perniagaan tidak akan berkembang jika tidak mempunyai ilmu perniagaan dan pengurusan yang betul, walaupun popular serta menjual produk yang bagus.

“HUN 2022 ini adalah platform terbaik buat usahawan termasuk selebriti kerana di sini kami ada pelbagai lot pameran dari agensi kerajaan yang sedia membantu berhubung perniagaan seperti pinjaman, perlesenan dan sebagainya.

“Selain itu HUN 2022 juga menyediakan pelbagai program khusus buat usahawan dan bakal usahawan. Antaranya taklimat daripada pelbagai agensi termasuk FAMA, MARA, Agrobazaar Online dan Akademi Jana Usahawan.

“Turut diadakan, taklimat mengenai kerjaya, klinik keusahawanan (latihan dan mentor), simposium ekonomi dan keusahawanan, biz forum (peluang pembiayaan bersama Tekun Nasional) dan pocket talk (wawancara ikon usahawan secara langsung,” kongsi Abu Hasan.

Buat pengunjung yang hadir pula terdapat pelbagai aktiviti menarik disediakan antaranya, car free morning, jogathon 1,000 peserta di Dataran Merdeka, acara rancangan main akal, persembahan battle of the band, pertunjukan kereta dan motosikal klasik, kereta mewah, Malam Aneka Ragam Pop Yeh Yeh, Retro Klasik, Warisan HUN dan belon udara panas.

Acara kemuncak HUN 2022 adalah makan malam gala yang diadakan pada 28 Mac bersempena dengan majlis anugerah untuk golongan usahawan. Anugerah_ tersebut akan diberikan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

HUN 2022 bakal dirasmikan oleh Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato’ Sri Ismail Sabri Yaakob pada Sabtu, 26 Mac pukul 8.30 malam di WTCKL.

MaKlumat lanjut boleh didapati menerusi laman web, www.hariusahawannegara.com.my dan Emel rasmi HUN22: dahniaga@gmail.com Hotline no: 03 4141 8311